

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) adalah salah satu peneraju universiti swasta di Malaysia yang beroperasi di Kampus Putrajaya dan Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS), Muadzam Shah, Pahang. UNITEN komited dalam menawarkan program akademik dan program latihan professional yang berkualiti tinggi.



The Energy University

Seiring dengan perkembangan UNITEN, kami ingin mempelawa calon-calon yang berkelayakan, bermotivasi tinggi dan dinamik untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan :-

PENGAWAL KESELAMATAN TINGKATAN BIASA

Syarat Kelayakan :

- Warganegara Malaysia.
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan sekurang-kurangnya peringkat lulus dalam matapelajaran Bahasa Melayu.
- Umur tidak melebihi 35 tahun bagi calon lelaki dan tidak melebihi 30 tahun bagi calon wanita pada tarikh tutup iklan.
- Sihat tubuh badan, tidak mempunyai sebarang kecacatan pada tubuh badan dan mental.
- Penglihatan baik tanpa penggunaan cermin mata/kanta lekap.
- Mempunyai tahap disiplin dan kecerdasan yang tinggi.
- Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai BMI yang tidak kurang dari 18.0kg/m³ dan tidak melebihi 30.0kg/m³.
- Tiada rekod jenayah dan berkelakuan baik.
- Bersedia bekerja mengikut syif, hujung minggu dan cuti umum.
- Melempi tapan keselamatan atau apa-apa tapan yang dibuat oleh bakal majikan (sekiranya perlu).
- Memiliki lesen memandu yang sah dan mempunyai kenderaan sendiri.
- Pengalaman kerja di bidang keselamatan/penguatkuasaan adalah merupakan satu kelebihan.
- Bekas Tentera/Polis/Warden/Badan Beruniform/RELA dialu-alukan untuk memajukan permohonan.

Tanggungjawab:

OPERASI/ KAWALAN/ PEMANTAUAN

Menjalankan rutin harian kawalan lalulintas

- Membantu pengurusan dan pentadbiran aktiviti, kawalan lalulintas serta trafik dalam kampus.
- Menerima dan membuat laporan kawalan lalulintas dan trafik aktiviti harian dalam kampus.
- Bertindak cepat terhadap apa-apa laporan aktiviti atau insiden yang diterima daripada mana-mana pihak.
- Melakukan aktiviti rondaan, penguatkuasaan dan pencegahan bagi melindungi asset, bangunan, pelajar, staf dan pihak berkepentingan.
- Membantu perlaksanakan urusan hal-hal berkaitan kawalan lalulintas dengan baik dan cekap.
- Melaksanakan pemantauan dan membantu pihak berkeperluan/berkepentingan, berkaitan urusan keselamatan secara langsung atau tidak langsung.
- Melaksanakan arahan yang dikeluarkan daripada Pengawal Keselamatan Kanan/Penyelia/Pengurus/Pengarah dan mana-mana pihak atasan yang mempunyai kuasa.

PERUNDANGAN DAN PERATURAN

Pematuhan keperluan perundangan dan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).

- Mengambil langkah munasabah untuk menjaga dan mematuhi arahan keselamatan yang diberikan.
- Memantau pematuhan peraturan keselamatan oleh staf, pelajar dan pelawat.
- Melaporkan segera sebarang hazard, kemalangan atau kejadian berbahaya kepada OSHE universiti.
- Membantu pelaksanaan pelan kecemasan yang dilaksanakan pihak universiti atau pihak-pihak berkepentingan.

DOKUMENTASI/ LAPORAN/SIASATAN

Memastikan setiap proses dokumentasi mematuhi ISO/arahan/prosedur operasi standard yang sedang berkuatkuasa

- Menyediakan laporan mengikut keperluan dan kepentingan.
- Membuat proses dokumentasi mengikut kaedah yang telah digariskan.
- Membuat tindakan dan susulan setiap proses dokumentasi seperti yang diarahkan dan berpandukan tatacara sedia ada.
- Melaksanakan penambahbaikan proses melalui arahan yang diberikan selari dengan tuntutan dan teknologi semasa.
- Membantu dan membuat siasatan awal sebarang insiden, kemalangan, aktiviti yang berlaku atau seperti yang diarahkan oleh pihak berkuasa atasan yang berkenaan.

Penempatan :

- **KAMPUS PUTRAJAYA**
- Universiti Tenaga Nasional,
Jalan IKRAM-UNITEN,
43000 Kajang, Selangor

Tempoh iklan :

03 Julai 2026 sehingga 19 Julai 2026

Cara memohon :

- Permohonan hendaklah disertakan dengan Borang – UNITEN 188C, Resume/CV, salinan-salinan sijil akademik, salinan sijil latihan dan penglibatan serta dokumen-dokumen sokongan yang telah disahkan. Permohonan yang lengkap boleh dihantar melalui e-mail ke hr@uniten.edu.my atau :-

PENGARAH
PEOPLE EXPERIENCE DEPARTMENT
UNIVERSITI TENAGA NASIONAL
JALAN IKRAM-UNITEN, 43000 KAJANG, SELANGOR
E-mel : hr@uniten.edu.my

- Borang – UNITEN 188C boleh didapati di <https://www.uniten.edu.my/about/job-opportunities/>

Dengan mengemukakan permohonan, anda telah bersetuju dan memberi kebenaran kepada Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan/atau UNITEN R&D Sdn. Bhd. (URND) untuk mengumpul, memproses, merekod, menyimpan dan/atau mendedahkan data peribadi dan data peribadi sensitif selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada People Experience Department (PXD), UNITEN sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh tutup iklan. Permohonan yang tidak lengkap serta yang diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan diproses.

Sekiranya tuan/puan tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh 60 hari dari tarikh iklan ditutup, tuan/puan adalah tidak disenarai pendek untuk jawatan yang dipohon. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

Creative, Innovative & Energetic

“UNITEN MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH”

